

PM dedah ‘geng kaya’ berpakat jatuhkan Kerajaan Perpaduan

Anwar tidak gentar ugutan, tekad pertahan prinsip demi rakyat

Oleh Nur IzzatiMohainad
bhnews@bh.com.my

Bukit Mertajam: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mendedahkan beliau menerima pelbagai ugutan daripada ‘geng kaya’ yang sedang berpakat untuk menjatuhkan Kerajaan Perpaduan yang dipimpinnya.

Tanpa mendedahkan secara terperinci siapa dimaksudkan dengan ‘geng kaya’ itu, Perdana Menteri berkata, beliau bagaimanapun tidak terkesan dengan ugutan mereka dan akan terus lawan untuk mempertahankan prinsipnya demi rakyat.

Perdana Menteri menegaskan beliau akan terus mempertahankan prinsip membanteras rasuah serta penyelewengan walaupun menerima pelbagai ugutan.

“Macam-macam ugutan saya terima. Geng kaya-nya berpakat, tetapi saya lawan tetap lawan untuk mempertahankan prinsip ini.

“Kita perlu bersihkan negara

ini daripada kerja rasuah yang menyebabkan pelbagai ugutan saya terima daripada geng kaya yang berpakat menggunakan agenda ‘Hidup Melayu,’” katanya berucap pada majlis kenduri korban di luar pekarangan Masjid Jamek An Nur Kampung Guar Perahu, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, beliau juga bersedia memberi kerjasama, termasuk disiasat mana-mana pihak berkuasa sekiranya beliau didapati terbabit dalam kes rasuah.

Tegasnya, selama tujuh bulan diberikan amanah mentadbir negara, tiada satu kepentingan pun diberikan kepada keluarganya.

“Kalau kata saya terlibat kes rasuah, gunakan wang menggayakan (Datuk Seri) Wan Azizah (Wan Ismail), Nurul Izzah dan anak-anak. Itu boleh bawa (lapor kepada pihak berkuasa).

“Saya lalui liku-liku hidup susah dan orang Permatang Pauh juga faham. Ketika ini hutang negara cecah RM1.5 trilion menjadikan keadaan (semakin) susah,” katanya.

Terdahulu, Anwar menunaikan solat Jumaat bersama jemaah di masjid berkenaan.

Anwar sekali lagi mengulangi beliau tidak mempunyai sebarang dendam terhadap mana-mana individu khususnya pemimpin kerajaan terdahulu seperti didakwa.

“Orang kata Anwar ini tidak



Anwar beramah mesra dengan orang ramai pada majlis Qurban Perdana Madani di Kawasan Perniagaan Arowana Permatang Pauh, semalam.

(Foto Danial saad/BH)

ada kerja lain, cakap pasal rasuah sebab nak balas dendam.

“Saya tak dendam, sesiapa sahaja disiasat SPRM, itu kerja SPRM. Saya tidak arahkan kerana saya tidak mahu memfitnah.

“Saya sendiri melalui liku-liku hidup yang susah. Jadi apabila ada kuasa, takkan saya nak buat kerja sebegitu (politik dendam),” katanya.

Perdana Menteri menegaskan, beliau juga tidak akan bertolak

ansur dengan mana-mana menteri atau timbalan menteri dalam kerajaan mahupun bekas menteri sekiranya mereka terbabit dalam kes rasuah.

Sementara itu, Anwar turut meminta rakyat membuat penilaian dengan adil terhadap pelbagai fitnah yang ditabur terhadap pentadbirannya.

Katanya, rakyat harus tahu membezakan antara fitnah dan

serangan politik.

“Antara fitnah dilemparkan adalah berkaitan tiada pelaburan memasuki negara, Islam diserang di bawah pentadbiran saya, perjanjian sempadan maritim ditandatangani Malaysia-Indonesia baru-baru ini.

“Boleh kritik, bukan semua saya buat betul... ada kalanya ada kelemahan yang saya tak tahu, tetapi cerca dan fitnah memang tak boleh... tak kira dia pakai kopiah, ketayap dan kot,” katanya.